

Anwar harap misi berjaya sampaikan bantuan ke Palestin

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan harapan, misi Global Sumud Flotilla (GSF) yang sedang merentasi Laut Mediterranean dan dijangka memasuki zon kuning dalam masa terdekat dapat meneruskan pelayaran menyampaikan bantuan kemanusiaan ke Gaza,

Perdana Menteri menegaskan, kezaliman dan keganasan Israel, termasuk ancaman terhadap kapal-kapal yang membawa sukarelawan dalam misi keamanan

dan kemanusiaan itu mesti dihentikan.

“(Saya) Masih mengharapkan (misi GSF) berterusan dan kezaliman, keganasan Israel mesti dihentikan sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Pasar Tani Ke-40 Peringkat Kebangsaan dan Perasmian Pasar Tani Putrajaya di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan,

pelayaran 53 kapal yang menyertai misi kemanusiaan GSF sudah merentasi Greece, sekali gus menandakan perjalanan akan semakin getir apabila memasuki zon kuning menuju ke pantai Gaza.

Aktivis media, Zainal Rashid Ahmad, yang menyertai misi memasuki itu, berkata mereka berisiko diserang Israel apabila memasuki zon kuning, iaitu kira-kira 300 batu nautika dari pantai berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Pemandu

flotila, Yasemin Acar, malam kelmarin, berkata GSF akan tetap meneruskan misi menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza, walaupun menerima maklumat Israel mungkin melancarkan serangan ganas terhadap armada itu dalam tempoh 48 jam akan datang.

Katanya, kapal GSF akan berlayar tanpa singgah lagi untuk hentian teknikal selepas ini, walaupun berdepan serangan api dari udara yang berlarutan se-

lama beberapa jam, tiga malam lalu.

GSF sedang merentasi Laut Mediterranean, membawa makanan, ubat-ubatan dan mesej keamanan dijadual tiba di perairan Gaza akhir bulan ini.

Misi bersejarah itu membabitkan lebih 1,000 sukarelawan dari seluruh dunia, termasuk 34 rakyat Malaysia, menaiki hampir 70 kapal dengan matlamat memecahkan sekatan ke atas Gaza.